

31 JUL 2003

Zainudin-SMS (Bergambar)

KEMPEN SMS KASIH PERDANA DAPAT SAMBUTAN HANGAT

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Baru dua minggu kempen luahan isi hati kepada Perdana Menteri melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) diperkenalkan dan pesanan yang diterima mencurah-curah antara 5,000 hingga 8,000 SMS sehari.

Kempen itu diperkenalkan secara percubaan kepada pelanggan Celcom dan TMTouch sejak 18 Julai lepas dan Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin melancarkannya hari ini untuk diteruskan sehingga 18 Sept.

Beliau berkata kempen SMS itu membolehkan rakyat menyampaikan ucapan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas jasa yang dicurahkan sepanjang 22 tahun dalam membangunkan negara dan bangsa.

Kerajaan menghargai kempen yang dilaksanakan oleh Celcom dan TMTouch itu sebagai memberi didikan kepada rakyat dan generasi muda untuk memupuk semangat cintakan jasa yang dicurahkan pemimpin, katanya semasa berucap melancarkan kempen itu di sini.

Zainuddin turut menghantar SMS kepada Dr Mahathir pada majlis itu yang berbunyi: "Terima kasih, berjaya membangunkan bangsa bermaruah".

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Celcom Berhad Datuk Ramli Abbas berkata syarikat itu yakin selepas pelancaran hari ini jumlah SMS yang dihantar akan meningkat dari kira-kira 5,000 hingga 8,000 sehari kepada dua juta.

Beliau berkata setelah tamat tempoh kempen itu, pihaknya akan mendokumentasikan semua mesej yang telah dihantar dalam bentuk CD-rom dan buku untuk diserahkan kepada Dr Mahathir dan sekiranya perlu akan dijual kepada orang ramai.

Setiap SMS yang dihantar dikenakan bayaran keseluruhan RM2.60 bagi Celcom dan RM2.40 bagi pelanggan TMTouch.

Beliau juga berkata semua mesej yang disampaikan oleh pelanggan kepada Dr Mahathir akan ditapis dan Celcom berhak menolak mesej yang tidak sesuai dengan tema kempen SMS itu.

Ramli juga berkata sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi dari kempen itu akan didermakan kepada Pertubuhan Anak-Anak Yatim Malaysia (Peyatim).

-- BERNAMA
SSA KHY RON